

KARANGAN 10 (N LEVEL)

Generasi muda hari ini terlalu mementingkan kebendaan dan tidak mengamalkan sikap berhemat. Bincangkan.

BAHAGIAN PENGENALAN

Berhemat merupakan sikap yang dinilai tinggi dalam sesebuah masyarakat. Seseorang yang berhemat pastinya sukar jatuh miskin kerana berhati-hati dalam perbelanjaan dan berkat hidupnya. Berlainan halnya dengan seseorang yang mementingkan kebendaan di mana dia tidak teragak-agak untuk berbelanja dan sering berasa kurang berkecukupan apabila mendapat tawaran pembelian baru. Di sebalik kelebihan berhemat, kita lihat generasi muda hari ini terlalu mementingkan kebendaan dan tidak mengamalkan sikap berhemat. Sekiranya kita diminta memikirkan apakah yang menyebabkan mereka bersikap sedemikian, apakah faktor-faktor yang bermain dalam minda kita? Di manakah kita akan mulakan pencarian kita? Persoalannya, adakah kita setuju bahawa generasi muda hari ini terlalu mementingkan kebendaan dan tidak mengamalkan sikap berhemat?

BAHAGIAN UTAMA

Generasi muda dibesarkan dalam suasana yang senang

Sebab utama generasi muda hari ini terlalu mementingkan kebendaan dan tidak mengamalkan sikap berhemat dapat dilihat dalam cara mereka dibesarkan di dalam suasana yang senang. Dengan kata lain, pengalaman membesar yang mereka lalui tidak sama dengan kebanyakan ibu bapa mereka yang terpaksa mengharungi kepayahan menyebabkan mereka mempunyai cita rasa yang berbeza berbanding dengan ibu bapa mereka. Jika ibu bapa mereka lebih mengamalkan sikap berhemat, mereka lebih mementingkan kebendaan kerana sudah terbiasa dengan kehidupan yang senang di mana ke semua keperluan mereka mudah dipenuhi. Umpamanya apabila kita membandingkan amalan menabung di kalangan generasi muda hari ini dengan generasi muda beberapa dekad yang lalu, pastinya kita dapati bahawa, secara purata, generasi dahulu lebih menebal amalan menabungnya berbanding dengan generasi sekarang. Hal ini berlaku kerana generasi muda hari ini mudah untuk mendapatkan wang dan tidak teragak-agak untuk membelanjakannya untuk mendapatkan kebendaan pilihan mereka. Bertolak dari sini, membesar dalam suasana yang senang menyebabkan generasi muda hari ini terlalu mementingkan kebendaan dan tidak mengamalkan sikap berhemat.